

GARIS PANDUAN PENUBUHAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN (ERT) MENGIKUT PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj) / LOKASI TEMPAT BERKUMPUL KECEMASAN (TBK) (EMERGENCY RESPONSE TEAM)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini dibangunkan bagi memberi panduan kepada staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk menubuhkan Pasukan Bertindak Kecemasan (ERT) bagi menghadapi sebarang insiden kecemasan di UTHM mengikut PTj atau lokasi Tempat Berkumpul Kecemasan (TBK).

2.0 SKOP

- 2.1 Garis panduan ini digunakan kepada semua Pusat Tanggungjawab bagi menubuhkan ERT di UTHM.
- 2.2 Pasukan ERT adalah ditubuhkan mengikut PTj atau lokasi Tempat Berkumpul Kecemasan (TBK) yang diketuai oleh seorang Ketua Warden TBK yang dilantik.
- 2.3 Bagi bangunan yang mempunyai penghuni kurang daripada 15 orang, penghuni bangunan tersebut perlu bergabung dengan bangunan lain yang berdekatan untuk menubuhkan ERT.
- 2.4 ERT berperanan sebagai *First Responder* dalam memastikan tindakan awal dapat diambil bagi mengawal sebarang insiden kecemasan di dalam kawasan UTHM.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- 3.2 Akta Kilang dan Jentera 1967.
- 3.3 Peraturan-Peraturan (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) Kilang dan Jentera 1970.
- 3.4 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- 3.5 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- 3.6 Pelan Tindak Balas Kecemasan (ERP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 3.7 *Guidelines On First-Aid In The Workplace (2nd Edition), DOSH 2004.*

4.0 DEFINISI / SINGKATAN

ERT	Pasukan Bertindak Kecemasan
PTj	Pusat Tanggungjawab
Pengungsian	Penghuni sesebuah bangunan keluar daripada bangunan berkenaan secara tenang dan teratur mengikut pelan laluan menuju TBK dengan hanya membawa dokumen terpenting sahaja. Ringkasnya, sehelai sepinggang.
Pasukan Pertolongan Cemas	Kumpulan terlatih yang berperanan untuk memberi rawatan awalan kepada mangsa sebagai usaha rawatan pertama didalam keadaan kecemasan sebelum ketibaan pasukan perubatan.
Pasukan Kawalan Tumpahan Bahan Kimia dan Radiasi	Pasukan terlatih yang berperanan untuk menangani dan mengawal sebarang tumpahan bahan kimia berbahaya atau radiasi.
Tempat Berkumpul Kecemasan (TBK)	Kawasan lapang dengan jarak sekurang-kurangnya 30m dari bangunan, jauh dari sebarang struktur binaan, tiang-tiang elektrik/telefon serta pokok-pokok besar dan kawasan ini telah digazetkan sebagai lokasi TBK oleh pihak Pejabat Pembangunan dan Penyelenggaraan (PPP).

5.0 KEAHLIAN ERT

- 5.1 Ahli ERT diketuai oleh Ketua Warden TBK yang dilantik oleh Komander ERT/ Insiden UTHM. Ketua Warden TBK setiap bangunan dipilih berdasarkan kekanan PTj dalam bangunan tersebut.
- 5.2 Ketua Warden TBK bertanggungjawab untuk melantik ahli pasukan ERT yang terdiri daripada Timbalan Ketua Warden, Warden Pengungsian, Warden Insiden dan Warden Keselamatan dan ahli-ahli pasukan di bawah setiap Warden sebagaimana carta organisasi pasukan ERT pada **Lampiran 1**.
- 5.3 Ketua Warden TBK hendaklah mengeluarkan surat lantikan kepada ahli ERT dengan menyatakan tempoh lantikan sekurang-kurangnya 2 tahun. Lantikan baru hendaklah dibuat jika terdapat perubahan ahli yang dilantik disebabkan pertukaran penempatan staf, bersara atau lain-lain sebab yang dirasakan perlu.
- 5.4 Ahli ERT hendaklah dilatih dengan kemahiran dan pengetahuan dalam menghadapi situasi kecemasan seperti kebakaran, kecederaan, tumpahan, bencana alam, rusuhan dan seumpamanya.

- 5.5 Pasukan ini hendaklah mempunyai kemahiran dalam menggunakan peralatan kebakaran, rawatan kecemasan dan kelengkapan keselamatan serta berkeupayaan bertindak pada kadar segera untuk mengendalikan situasi kecemasan dengan cekap dan efisien.
- 5.6 Bilangan ahli Pasukan Penyelamat, Pemadam Kebakaran dan Kawalan Tumpahan Kimia dan Radiasi hendaklah dilantik sekurang-kurangnya 5 orang bagi setiap pasukan.
- 5.7 Bilangan ahli *First Aid Team* perlulah dilantik mengikut jumlah pekerja di setiap tempat kerja sebagaimana berikut:

Bilangan staf di dalam bangunan	Bilangan <i>First Aiders</i>
< 20 orang	1 orang
21-150 orang	2 orang
> 150 orang	2 orang bagi setiap 150 orang pekerja

6.0 PERANAN ERT

6.1 Ketua Warden TBK

- 6.1.1 Bertanggungjawab terhadap keselamatan penghuni dan pelawat serta persekitaran tempat kerja ketika situasi kecemasan.
- 6.1.2 Menggerakkan organisasi bila berlaku kecemasan.
- 6.1.3 Mengeluarkan arahan untuk mengaktifkan pelan pengungsian bangunan.
- 6.1.4 Memaklumkan kepada Komander ERT/Insiden dan Timbalan Komander ERT/Insiden mengenai kejadian kecemasan.
- 6.1.5 Bekerjasama dengan agensi berkaitan semasa berlaku kecemasan.
- 6.1.6 Menyediakan maklumat untuk laporan kejadian.
- 6.1.7 Menyiasat tempat kebakaran.
- 6.1.8 Membunyikan penggera atau wisel (jika penggera automatik tidak berbunyi).
- 6.1.9 Memastikan kebakaran dipadam dengan segera.
- 6.1.10 Jika didapati kebakaran tersebut telah merebak dan ada penghuni di bangunan tersebut, beri arahan mengungsikan bangunan.
- 6.1.11 Mengarahkan Kontraktor Penyelenggaraan Bangunan untuk mematikan semua suis elektrik.

- 6.1.12 Melapor kepada Komander ERT/Insiden atau Timbalan Komander ERT/Insiden mengenai:
- i. Laporan awal insiden;
 - ii. Pergerakan warga aras; dan
 - iii. Maklumat kecederaan dan kemalangan.
- 6.1.13 Menghalang sesiapa pun masuk ke bangunan tersebut melainkan yang berkenaan sahaja.
- 6.1.14 Memberi maklumat kepada Pegawai Bomba atau mana-mana agensi keselamatan yang berkenaan mengenai keadaan di dalam bangunan.

6.2 Timbalan Ketua Warden TBK

- 6.2.1 Memangku semua peranan Ketua Warden TBK.
- 6.2.2 Membantu mengetuai operasi latihan / kecemasan kebakaran
- 6.2.3 Bersedia dan menerima laporan serta membuat perhubungan dengan pegawai-pegawai insiden di tingkat-tingkat berlakunya kebakaran

6.3 Pencatat Masa

- 6.3.1 Mencatat masa semasa kawad kecemasan/ kebakaran dilakukan. Antaranya;
 - i. Mula latihan dilakukan;
 - ii. Pergerakan penghuni keluar dari bangunan;
 - iii. Pasukan Mencari dan Menyelamat menjalankan tugas;
 - iv. Pasukan Melawan Kebakaran menjalankan tugas;
 - v. Masa menghubungi Balai Pengawal/Jabatan Bomba dan Penyelamat;
 - vi. Masa Bomba sampai di tempat kejadian;
 - vii. Masa Bomba mengeluarkan mangsa dari tempat kejadian; dan
 - viii. Latihan ditamatkan.

6.4 Juruteknik

- 6.4.1 Bersiap sedia di pusat kawalan kebakaran.
- 6.4.2 Menutup semua punca kuasa elektrik.
- 6.4.3 Memberi bantuan yang diperlukan oleh Ketua Warden TBK/ pegawai bomba berhubung dengan perjalanan sistem `Fire Alarm` dan alat-alatan komunikasi kebombaan.
- 6.4.4 Membuat laporan terhadap kerosakan yang berlaku pada sistem amaran `Fire Alarm` atau alatan komunikasi kepada Ketua Warden TBK.

6.5 Warden Pengungsian

- 6.5.1 Membantu menggerakkan organisasi bila berlaku kecemasan.
- 6.5.2 Memastikan panggilan penghuni baris bangunan dilakukan segera oleh Ketua Aras di TBK.
- 6.5.3 Mendapatkan senarai nama penghuni daripada Ketua Aras.
- 6.5.4 Melaporkan jumlah penghuni yang hilang kepada Warden Insiden untuk mencari dan menyelamat.
- 6.5.5 Memastikan semua penghuni mengungsikan aras berkaitan.
- 6.5.6 Memastikan penghuni ke zon berkumpul yang telah ditetapkan.
- 6.5.7 Memeriksa kehadiran penghuni di zon berkumpul dengan membuat “head count”.
- 6.5.8 Melaporkan dan mengesahkan kejadian kecemasan dan situasi semasa kepada Ketua Warden TBK.
- 6.5.9 Membantu agensi berkaitan semasa berlaku kecemasan.

6.6 Warden Insiden

- 6.6.1 Mengurus dan mengawal semua kejadian kebakaran atau kecemasan dengan bantuan daripada pasukan Melawan Kebakaran, Pasukan Mencari dan Menyelamat dan Pasukan Kawalan Tumpahan dan Radiasi.
- 6.6.2 Membantu Ketua Warden TBK untuk memberi maklumat seperti;
 - i. Mengeluarkan arahan pengungsian di tingkat tertentu ataupun keseluruhan bangunan;
 - ii. Memastikan Balai Pengawal dihubungi segera; dan
 - iii. Melaporkan keadaan kebakaran atau mangsa terperangkap kepada pegawai bomba atau agensi luar yang berkaitan apabila sampai untuk bertindak.

6.7 Warden Keselamatan

- 6.7.1 Mengawal trafik dan orang ramai di sekitar bangunan dan dibantu oleh Pegawai Keselamatan Bangunan dan Pegawai Keselamatan Lalulintas.
- 6.7.2 Mengarahkan Pegawai Keselamatan Bangunan memastikan orang awam/ penghuni tidak memasuki bangunan.
- 6.7.3 Mengawal laluan kakitangan atau penghuni ke arah tempat berhimpun.
- 6.7.4 Mengawal trafik dan pastikan jalan masuk ke bangunan bebas daripada halangan untuk kenderaan kecemasan.

6.7.5 Membantu arah laluan kereta bomba atau agensi luar lain yang berkaitan semasa ketibaannya.

6.7.6 Mengawalselia kakitangan untuk masuk semula ke bangunan secara teratur setelah tamat latihan.

6.8 Ketua Aras

6.8.1 Bertanggungjawab terhadap pengungsian penghuni daripada tingkat/ aras apabila loceng amaran dibunyikan.

6.8.2 Membuat pemeriksaan disemua bilik, tandas, bilik rehat, stor dan lain-lain tempat untuk memastikan semua penghuni keluar daripada bangunan.

6.8.3 Memastikan pintu ditutup rapat setelah memastikan semua penghuni aras keluar dari bangunan.

6.8.4 Memastikan penghuni keluar secara teratur.

6.8.5 Mengambil kedatangan penghuni di TBK melalui senarai nama sedia ada dan melaporkan kepada Warden Pengusian dengan segera.

6.9 Pasukan Pertolongan Cemas

6.9.1 Memastikan Peti Pertolongan Cemas berada dalam keadaan baik dan mencukupi.

6.9.2 Memberikan rawatan awal kepada mangsa sebelum ketibaan pasukan perubatan.

6.9.3 Melaporkan kepada Warden Pengungsian berkenaan keadan mangsa/ tempat kejadian.

6.10 Pasukan Melawan Kebakaran

6.10.1 Memadamkan kebakaran sekiranya kecil dan tidak membahaya menggunakan peralatan melawan kebakaran sediada yang sesuai sementara menunggu bantuan Pasukan Bomba.

6.10.2 Membawa seberapa banyak alat pemadam api ke tempat berlaku kebakaran.

6.10.3 Menggunakan '*Hose Reel*' yang terdapat di bangunan sebagai bantuan awal melawan kebakaran.

6.10.4 Membantu Pasukan Bomba dan agensi berkaitan dalam merancang dan mengendalikan situasi kecemasan.

6.11 Pasukan Mencari dan Menyelamat

- 6.11.1 Membantu mereka yang kurang upaya, dikenalpasti penyakit kronik serta ibu mengandung untuk mengungsikan bangunan.
- 6.11.2 Mengarahkan penghuni keluar dari bangunan serta mengumpulkan semua penghuni di TBK.
- 6.11.3 Membuat pemeriksaan secara menyeluruh jika keadaan mengizinkan di semua bilik-bilik/ makmal dan tandas untuk memastikan tiada penghuni yang terperangkap dalam kebakaran.
- 6.11.4 Memastikan tiada penghuni yang terperangkap di dalam lif semasa kejadian.
- 6.11.5 Semasa menjalankan tugas mengumpulkan penghuni, gunakan alat pembesar suara (*Loud Hailer*).
- 6.11.6 Memastikan pintu, tingkap, suis dan lain-lain ditutup.
- 6.11.7 Membantu dan menyediakan keperluan pasukan penyelamat luar sekiranya perlu.

6.12 Pasukan Kawalan Tumpahan Bahan Kimia dan Radiasi

- 6.12.1 Memagar kawasan tumpahan dengan melabel kawasan tersebut dengan “kawasan tercemar”.
- 6.12.2 Mengawal tumpahan agar tidak merebak.
- 6.12.3 Merujuk Risalah Data Keselamatan (SDS) untuk mengetahui risiko hazard tumpahan.
- 6.12.4 Mengumpul dan melupuskan semua sisa tumpahan dan sisa nyahcemaran.
- 6.12.5 Melaporkan kepada Ketua Warden TBK mengenai situasi kejadian.
- 6.12.6 Membina halangan di sekitar tapak untuk menghalang kemasukan dan menyekat pergerakan orang yang telah masuk ke dalam tempat kejadian.
- 6.12.7 Dengan serta-merta menyuruh semua pekerja lain keluar daripada kawasan kejadian.
- 6.12.8 Mematikan sistem pengudaraan dan bekalan elektrik dalam kawasan kejadian.

6.13 Pegawai Keselamatan Bangunan

- 6.13.1 Mengawasi supaya tidak berlaku suasana di luar kawalan semasa pengungsian bangunan dilakukan.
- 6.13.2 Mengarahkan semua pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan mereka yang berhampiran dengan bangunan supaya mengalihkannya dengan segera.
- 6.13.3 Memastikan tidak berlaku kecurian semasa latihan pengungsian bangunan dilakukan dengan mengadakan pemeriksaan di pintu keluar/masuk di tempat kejadian.

6.14 Pengawai Keselamatan Lalulintas

- 6.14.1 Mengawal lalulintas di pintu masuk supaya tidak mengganggu laluan kenderaan bomba, polis, ambulans atau agensi lain yang berkaitan tiba di kawasan kecemasan.
- 6.14.2 Memberi pandu arah kepada pihak bomba, polis, ambulans atau agensi lain yang berkaitan ke lokasi sebenar tempat kejadian.

7.0 LATIHAN / KURSUS

7.1 Ketua Warden TBK perlu merancang kursus yang perlu dihadiri oleh ahli ERT yang dilantik setiap tahun.


7.2 Kursus asas yang diperlukan adalah seperti Jadual 1:

BIL	PROGRAM	SASARAN TAHUNAN (Kali)
1	Ceramah Kebakaran dan Bencana	Satu (1)
2	Praktikal <ul style="list-style-type: none">- Kebakaran- Tumpahan Sisa Kimia/Sinaran Radiasi- Bencana Alam- Latihan Paramedik / <i>First Aider</i>	Satu (1)
3	Latihan Kebakaran & Pengungsian Bangunan (Dalaman)	Satu (1)
4	<i>Fire Drill</i> (Termasuk Pelan Pengujian) - Agensi Luar	Satu (1)
5	Latihan Paramedik/ <i>First Aider</i>	Satu (1)
6	Latihan Pengurusan Stress	Satu (1)

Jadual 1: Kursus Asas untuk ERT

- 7.3 Sebelum melaksanakan latihan kebakaran, pengungsian bangunan atau lain-lain, perancangan pra insiden hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perancangan Pra-Insiden Tindakan Kecemasan (UTHM/OSHE/UP.029) sebagaimana **Lampiran 2** untuk rekod.
- 7.4 Borang Pelaporan Latihan Pasukan Tindakan Kecemasan (UTHM/OSHE/UP.030) sebagaimana **Lampiran 3** hendaklah diisi oleh pencatat masa dan disemak oleh Ketua Warden TBK. Borang tersebut hendaklah dihantar kepada Komander Insiden (Pengarah Bahagian Keselamatan) untuk pengesahan.
- 7.5 Semua rekod latihan hendaklah disimpan dengan baik selama 5 tahun dari tarikh setiap latihan dijalankan.
- 8.0 TEMPAT BERKUMPUL KECEMASAN (TBK)
- 8.1 Ketua Warden TBK dan Ahli ERT perlulah mengenal pasti tempat berkumpul yang berhampiran dengan kawasan kejadian.
- 8.2 Hebah perlu dibuat kepada semua pengguna bangunan mengenai lokasi tempat berkumpul melalui kaedah yang sesuai seperti Pelan Laluan Kecemasan yang menunjukkan arah TBK.
- 8.3 TBK hendaklah ditanda dengan papan tanda yang jelas dan mudah dilihat.
- 8.4 Bagi kawasan parkir kenderaan yang dijadikan TBK, kenderaan hendaklah diparkir secara mengundur (*reverse parking*) bagi memudahkan pergerakan keluar jika berlakunya kecemasan.
- 8.5 Senarai TBK adalah seperti **Lampiran 4**.
- 9.0 PIHAK YANG PERLU DIHUBUNGI SEMASA SITUASI KECEMASAN
- 9.1 Pusat Tanggungjawab yang perlu dhubungi jika berlaku kecemasan :
- I. Bahagian Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE) UTHM
 - Keselamatan staf, pelajar dan orang awam dan tumpahan bahan kimia dan radiasi.
 - II. Bahagian Keselamatan UTHM
 - Kebakaran, Keselamatan orang awam dan kemalangan lalulintas.
 - III. Pusat Kesihatan Universiti
 - Kcederaan dan penyakit berjangkit.
- 9.2 Rujuk Nombor talian kecemasan Universiti seperti **Lampiran 5**.

CARTA ORGANISASI PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN (ERT) UTHM



 UTHM Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	BORANG PERANCANGAN PRA-INSIDEN LATIHAN TINDAKAN KECEMASAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA		
--	--	--	--

BAHAGIAN A: MAKLUMAT

SENARIO LATIHAN:			
TEMA:			
KAEDAH		FIZIKAL	
TEMPAT BERKUMPUL KECEMASAN (TBK):			
LOKASI:			
TARIKH:		MASA:	

BAHAGIAN B: BUTIRAN PELAKSANAAN TINDAKAN KECEMASAN

MASA	AKTIVITI /SENARIO	TINDAKAN SEGERA OLEH	SUMBER YANG DIPERLUKAN

BAHAGIAN C: MAKLUMAT PASUKAN ERT

PASUKAN ERT	NAMA
Ketua Warden TBK	
Timb. Ketua Warden TBK	
Warden Pengungsian	
Ketua Aras	
Pasukan Pertolongan Cemas	

Warden Insiden	
Pasukan Melawan Kebakaran	
Pasukan Kawalan Tumpahan Bahan Kimia dan Radiasi	
Pasukan Mencari dan Menyelamat	
Warden Keselamatan	
Pegawai Keselamatan Bangunan	
Pegawai Keselamatan Lalulintas	
Pencatat masa	
Juruteknik	
Pemerhati/Fasilitator	

BAHAGIAN D: PENGESAHAN

Disediakan oleh:	Disahkan oleh (Ketua Warden TBK):
..... Tandatangan dan cop Nama : Jawatan: Tarikh: Tandatangan dan cop Nama : Jawatan: Tarikh:

 UTHM Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	BORANG PELAPORAN LATIHAN PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN
--	--

1. MAKLUMAT AM BERKAITAN LATIHAN				
	i.	PTj/ Kolej / TBK:		
	ii.	Tarikh Latihan Diadakan:		
	iii.	Masa Mula:	Masa Akhir:	
	iv.	Bangunan / Blok:		
2. SENARAI PASUKAN ERT				
	Ketua Warden :			
	Penolong Ketua Warden :			
	Ahli:			
3. CATATAN MASA LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN				
	Bil.	Perkara	Masa	Catatan
	i.	Tanda kebakaran kelihatan (Nyatakan) :		
	ii.	Penggera berbunyi		
	iii.	Penghuni mula keluar		
	iv.	Penghuni terakhir keluar dari bangunan		
	v.	Pengawal Keselamatan tiba		
	vi.	Pengawal Keselamatan menutup laluan ke lokasi kebakaran kepada orang awam		
	vii.	Jentera Bomba tiba		
	viii.	Anggota Bomba mula memadamkan kebakaran		
	ix.	Bomba memulakan operasi mencari dan menyelamat mangsa kebakaran		
	x.	Ambulans tiba		
	xi.	Mangsa ditemui		
	xii.	Pasukan bantu mula memberikan bantuan awal kepada mangsa		
	xiii.	Ambulans meninggalkan kawasan kebakaran		

	xiv.	Kebakaran berjaya dipadamkan		
	xv.	Penggera dihentikan		
	xvi.	Komander Insiden (KI) memaklumkan keadaan kembali normal		
	xvii.	Demonstrasi penggunaan alat pemadam api		
	xviii.	Penghuni kembali memasuki bangunan		
	xix.	Latihan pengungsian selesai		
	xx.	Lain-lain (sila nyatakan):		
4.	ULASAN			
5.	MASALAH SEMASA LATIHAN			
6.	CADANGAN/ KESIMPULAN			
7.	PERAKUAN			
	Disediakan Oleh (Pencatat masa): TBK): Nama : Jawatan : Tarikh:		Disemak Oleh (Ketua Warden Nama : Jawatan : Tarikh: Disahkan Oleh (Komander Insiden): Nama : Jawatan : Tarikh:	

* Laporan ini hendaklah dibuat salinan dan diserahkan kepada semua PTj terlibat di bawah Pasukan ERT TBK, Pejabat OSHE dan Bahagian Keselamatan untuk rekod.

LAMPIRAN 4**TEMPAT BERKUMPUL KECEMASAN UTHM (KAMPUS PARIT RAJA)**

Bil	Blok	Tempat Berkumpul Kecemasan	Nama Jalan
1	A1	Dataran Siswazah	Jalan Alfa 2
	A6 – BAHAGIAN KESELAMATAN		
2	A4	Parkir A4	Jalan Alfa 2
	A5		
3	A8-STADIUM UTHM	Parkir A8	Jalan Stadium
	TAPAK MOA		
4	A10 -PPUK	Parkir A10	
	A19- KOLAM RENANG		
5	C1	Padang B (Ragbi)	Jalan Alfa 2
	C2		
	C3		
	C13		
	C14a		
	C14b		
6	C6	Jalan Alfa 4 (berhampiran padang golf)	Jalan Alfa 4
	E2		
	E3		
	C19		

	C3A		
	C3b		
	C3		
	E4		
	E5		
	E6		
	E8		
	E9		
7	B6	Parkir Sebelahan Blok B6	
	B8		
	B7		
	B9a		
	B9b		
	B9c		
	B9d		
	C8		
	C9		
	C10		
	C11		
	C12		
	C17		
8	E14	Parkir E14	Jalan Alfa 3
	E15		
	E17		
9	E10	Hadapan Blok D7 dan E11	Persiaran Tun Ismail Ali
	E8		
	E7		
	E11		

	E1		
	E12		
	D7		
	C16		
	C15		
	Pejabat sifar tenaga		
10	C18 - ARKED	Hadapan Blok E16 (Gelanggang bola keranjang)	
11	E16 - PENDAFTAR		
11	KKTSN (D2,D3,D4,D5)	Padang sebelah Pejabat Pendaftar (tapak loji lama)	Jalan Alpha 1/1
11	D6 -RUMAH PENGETUA		
12	D1	Parkir Musolla KKTSN	Persiaran Tun Ghazali Shafie
12	B5		
12	Musolla		
13	A2	Parkir Dataran Anggerik (Sebelah Dataran Terbuka)	Persiaran Tun Ghazali Shafie
13	B1		
13	B2		
13	A3		
14	B3	Parkir Dataran Anggerik (Sebelah Surau KTSN)	Persiaran Tun Ghazali Shafie
15	D8	Bersebelahan D8	
15	D9		
15	D10		
15	D11		
15	D13		
16	D14		Jalan Pembangunan 2

	D15	Hadapan Gelanggang Bola Tampar	
17	D15 – PKU & HANGER FKMP	Parkir Bas	Jalan Bravo 4/3
18	F1	Parkir F1	Persiaran Tun Tan Siew Sin
19	F2	Parkir F2	Jalan Bravo 6
20	F3 – MUAMALAT & KOPERASI	Parkir F3	Jalan Bravo
21	F4	Parkir F4	Jalan Bravo 4/3
22	F5 – MINT SRC	Parkir F5	Jalan Bravo 6
23	F6 – RMC, ICC	Parkir F6	
24	G1 - LOBI	Parkir G1	Susur Syed Alwi 2
25	GI- SUB-WING A & D	Parkir G1- SUB-WING A & D	
26	GI- SUB-WING B & C	Parkir G1- SUB-WING B & C	
27	G2-LOBI	Parkir G2	
28	G2- SUB-WING H&E	Parkir G2- SUB-WING H&E	
29	G2- SUB-WING G&F	Parkir G2- SUB-WING G&F	
30	G3	Parkir G3	Jalan Charlie 1/1
31	G4-KKTDI	Parkir G4	Jalan Kolej
	G5-KKTF & P2P	Parkir G5	
32	G7	Susur Syed Alwi 4	Persiaran Tun Ghafar Baba
	G13		

33	G8	Kawasan Lapang Hadapan luar pagar Makmal highway	Jalan Lestari
	G9		
	G10		
	G11		
	KABIN KONTRAKTOR PPP		
34	I -MASJID	Parkir Masjid	Jalan Masjid
35	H-KUARTES STAF DAN TASKA UTHM	Parkir Kuarters	Susur Tun Dr Ismail
36	A13-PALAPES	Parkir Susur Tun Syed Nasir 2	
	A14- SUKSIS		
	A15- SISPA		
37	A16-RELASIS	Padang Kawad	Susur Tun Dr Ismail
	KABIN BADAN BERUNIFORM		
38	A9-RECESS	Berhadapan A9	
39	J-FPTP	Parkir Staf	Persiaran Tun Ghafar Baba
40	K-FPTV	Parkir FPTV	Jalan Delta 1/2
	T-HEP		
41	L-PTTA	Parkir Belakang PTTA	Jalan Delta 1
42	M-FKAAB	Parkir FKAAB	Jalan Delta 1/3

43	P-FSKTM	Parkir FSKTM	Jalan Delta 1/6
44	QA-FKEE	Parkir FKEE	Jalan FKEE
45	R-DSI	Parkir 158	Persiaran Tun Mohd Zahir Ismail
46	S-PPP	Parkir PPP	Persiaran Tun Mohd Zahir Ismail
	TEMPAT PENYIMPANAN BUANGAN TERJADUAL		
47	PUSAT DATA PTM	LEGARAN SISWA	

TEMPAT BERKUMPUL KECEMASAN UTHM (KAMPUS BANDAR)


Bil	Blok	Tempat Berkumpul Kecemasan	Nama Jalan
1	BANGUNAN KAMPUS BANDAR	Parkir	

TEMPAT BERKUMPUL KECEMASAN UTHM (PUMAS)


Bil	Blok	Tempat Berkumpul Kecemasan	Nama Jalan
1	BILIK PENGINAPAN	Kawasan lapang	
2.	BANGUNAN PEJABAT PUMAS	Kawasan lapang	

TEMPAT BERKUMPUL KECEMASAN UTHM (KAMPUS CAWANGAN PAGOH)


Bil	Blok	Tempat Berkumpul Kecemasan	Nama Jalan
1	BLOK A – SAYAP KANAN	Parkir Blok A Sayap Kanan	
2.	BLOK A – SAYAP KIRI	Parkir Blok A Sayap Kiri	
3.	BLOK B	Gelanggang Serbaguna	
4.	BLOK C	Tanah Lapang Antara Blok C & D	
	BLOK D		
5.	BLOK F	Parkir Blok F	
6.	BLOK G	Parkir Blok G	
7.	BLOK H	Parkir Blok H	
8.	BLOK J	Padang Bola	
9.	KAFETERIA	Tanah Lapang Bersebelahan Kafeteria	



Rajah 1 : Tempat Berkumpul Kecemasan UTHM Kampus Parit Raja



Rajah 2 : Tempat Berkumpul Kecemasan UTHM Kampus Bandar



Rajah 3 : Tempat Berkumpul Kecemasan UTHM Kampus Tanjung Laboh



Rajah 4 : Tempat Berkumpul Kecemasan UTHM Kampus Pagoh

UTHM Universiti Tunku Abdul Rahman Malaysia		SENARAI TALIAN KECEMASAN
TALIAN KECEMASAN DALAMAN		
Bahagian Keselamatan (24 Jam)		07-453 3435
Pusat Kesihatan Universiti		019-868 7854/07-453 7846
Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE)		07-453 7228/ 7396/ 7397
Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan		07-453 3333
POLIS		999
Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat		07-436 3300
Balai Polis Batu Pahat		07-434 1222
Balai Polis Parit Raja		07-454 1222
Balai Polis Sri Gading		07-455 8222
Balai Polis Ayer Hitam		07-758 1222
Balai Polis Yong Peng		07-467 1222
BOMBA DAN PENYELAMAT		999
Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Mohd Khalid, Batu Pahat		07-433 8444/ 434 1060
Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Timah Sari, Batu Pahat		07-434 2444/ 435 1754
Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kluang, Ayer Hitam		07-758 2206
Balai Bomba dan Penyelamat Yong Peng		07-467 4444
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Batu Pahat		07-430 0817
AMBULAN		999
Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat		07-436 3000
Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, Kluang		07- 778 7000
Klinik Kesihatan Parit Raja,		07-454 1237
Klinik Kesihatan Sri Gading		07-455 8216
Klinik Kesihatan Yong Peng		07-4671361

Senarai Agensi Peneraju Untuk Dihubungi

Bil.	Insiden atau Bencana	Agensi Peneraju	Pihak Untuk Dihubungi
1.	Letupan dan Kebakaran	JBPM	Pusat Operasi JBPM Batu Pahat <input type="checkbox"/> 07-4342444 / 07-4351754 Pusat Operasi JBPM Ayer Hitam <input type="checkbox"/> 07-7582206
			Pusat Operasi JBPM Pagoh <input type="checkbox"/> 06-9741955
2.	Gegaran dan Tsunami	JMM	Pejabat Ramalan Pusat <input type="checkbox"/> 03-79678000
3.	Kemalangan CBRNE	LPTA	Pusat Bertindak Kecemasan Radiologi Kebangsaan <input type="checkbox"/> 1-800-88-7999
4.	Wabak Penyakit Berjangkit/Pandemik	KKM	Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia <input type="checkbox"/> 03-88834527
5.	Sinaran Radiasi	AELB	Lembaga Perlesenan Tenaga Atom <input type="checkbox"/> 07-6632431

Senarai Agensi Keselamatan (Batu Pahat)

Bil.	Agensi	<input type="checkbox"/> Nombor Telefon
1.	Talian Kecemasan	999
2.	JBPM Batu Pahat	07-4342444 / 07-4351754
3.	JBPM Ayer Hitam	07-7582206
4.	Ibu Pejabat Polis Batu Pahat	07-4363300
5.	Balai Polis Parit Raja	07-4541222
6.	Balai Polis Sri Gading	07-4558222
7.	Ambulan HSNI	07-4363000

8.	APM Batu Pahat	07-4300817
9.	JKR Batu Pahat	07-4325700
10.	TNB	15454
11.	MPBP	07-4396800
12.	SAJ Ranhill Batu Pahat	07-4317944

Senarai Agensi Keselamatan (Muar)

Bil.	Agensi	<input type="checkbox"/> Nombor Telefon
1.	Talian Kecemasan	999
2.	JBPM Pagoh	06-9741955
3.	Ibu Pejabat Polis Muar	06-9526001
4.	Balai Polis Pagoh	06-9746222
5.	Balai Polis Pancor	06-9736222
6.	Hospital Pakar Sultanah Fatimah	06-9564000
7.	APM Muar	06-9545992
8.	JKR Muar	06-9521611
9.	TNB	15454
10.	MPM	06-9521205
11.	SAJ Ranhill Muar	06-9526611